



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
*Malaysian Communications and Multimedia Commission*

---

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : SKMM(S)07-LD/110/6/3/32400/wtz( )  
Tarikh : 7 April 2008

ESKY Holdings Sdn Bhd  
(Formerly known as PCS E-Hub Holdings Sdn Bhd)  
Wisma PCS, No.9 Jalan Molek 1/8  
Taman Molek  
81100 Johor Bharu  
Johor

Tuan,

**PENDAFTARAN SEBAGAI PEMEGANG LESEN KELAS PEMBERI PERKHIDMATAN APLIKASI [ASP(C)]**

Notis pendaftaran untuk lesen kelas dari syarikat tuan adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa **ESKY Holdings Sdn Bhd** telah didaftarkan sebagai pemegang lesen kelas pemberi perkhidmatan aplikasi (*applications service provider class licensee – ASP(C)*) pada **01/04/2008**. Pendaftaran Lesen Kelas ini adalah berkuatkuasa selama **1 tahun** dari tarikh pendaftaran tersebut. Sebarang permohonan untuk pendaftaran semula harus dikemukakan dalam tempoh 60 hari sebelum tamatnya tempoh sahlaku pendaftaran ASP(C) yang sedia ada.

3. Sila ambil maklum bahawa pihak tuan hanya dibenarkan menawarkan perkhidmatan-perkhidmatan yang telah dinyatakan dalam Perkara 3 Borang Pendaftaran Lesen Kelas (Borang D) tuan. Sekiranya pihak tuan berhasrat untuk memberi mana-mana perkhidmatan selain dari apa yang dicatatkan dalam Borang D, sila kemukakan maklumat mengenai perubahan tersebut bersama dengan bayaran seperti yang diperuntukkan di dalam Jadual Kedua Peraturan-Peraturan Komunikasi Dan Multimedia (Pelesenan) 2000, seperti yang dipinda.

4. Pada masa yang sama, sila ambil maklum bahawa seseorang yang mempunyai atau memberikan apa-apa kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian, samada berkaitan dengan pemberi perkhidmatan aplikasi yang disebutkan di atas ataupun tidak, memerlukan lesen pemberi kemudahan rangkaian atau lesen pemberi perkhidmatan rangkaian yang

berkenaan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998. Sekiranya pihak tuan memerlukan penjelasan lanjut mengenai lesen-lesen tersebut, sila hubungi pihak kami.


5. Pihak tuan dinasihatkan melayari laman web MCMC untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai syarat-syarat lesen ASP(C) yang harus dipatuhi oleh pihak tuan.

<http://www.mcmc.gov.my/registers/cma/class/ASP%20Class%20Licence%20ASP.C.2005.3.pdf>.

6. Bersama ini disertakan salinan pendua notis pendaftaran yang telah diperakukan serta resit bernombor **105373** bagi bayaran fi sebanyak RM2,500.00 untuk simpanan tuan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**MEGAT ISHAK MAAMUNOR RASHID**

Pengarah

Jabatan Pelesenan

Bagi Pihak Pengerusi